



NOTIS PEMAKLUMAN

Tarikh: 7 Mei 2026

PROSEDUR PERMOHONAN PENGIMPORAN BABI BAKA HIDUP KE SEMENANJUNG MALAYSIA DAN W.P. LABUAN

Notis ini bertujuan untuk menerangkan prosedur permohonan pengimportan babi baka hidup dan prosedur isolasi babi tersebut selepas tiba di Malaysia. Untuk makluman, prosedur isolasi babi baka hidup akan dijalankan di ladang babi yang telah diperiksa dan diluluskan oleh DVS.

Pihak syarikat dipohon untuk membuat permohonan pengimportan babi baka hidup sekurang-kurangnya **2 bulan** sebelum jangkaan tarikh pengimportan dengan menyertakan maklumat berikut:

1. Surat rasmi bersama *letterhead* syarikat yang menyatakan maklumat:
 - i. Negara pengeksport,
 - ii. Nama, No. Pendaftaran/Establishment No. dan alamat ladang sumber baka babi (pig breeder farm). Sila lampirkan dokumen sokongan bagi pendaftaran ladang dengan pihak berkuasa negara pengeksport
 - iii. Nama, alamat agen logistic, nama dan nombor telefon untuk dihubungi
 - iv. Bilangan keseluruhan ternakan (baka, Jantan dan Betina)
 - v. Penempatan ladang di Malaysia (nama, alamat & pecahan bilangan ternakan, salinan lesen penternakan babi di negeri oleh DVS)
 - vi. Tarikh/ tempoh jangkaan masuk
 - vii. Pintu masuk di Malaysia
2. Sampel sijil kesihatan veterinar yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa veterinar negara pengeksport.

Permohonan perlu dihantar dalam bentuk *hard copy* ke pejabat DVS untuk penilaian lanjut;

Pengarah Kanan
Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekuriti Veterinar
Aras 5, Lot 4G1, Blok Podium, Wisma Tani,
No.28 Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62624 Putrajaya

Susulan permohonan pihak syarikat, pihak DVS Negeri akan menjalankan pemeriksaan verifikasi di ladang babi di Malaysia yang dicadangkan sebagai lokasi isolasi. Pertimbangan bagi kelulusan pengimportan babi baka hidup akan mengambil kira pengesyoran terhadap ladang babi tersebut (disamping kriteria lain seperti status semasa penyakit negara pengeksport), dan keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada pihak syarikat. Kelulusan pengimportan ke Malaysia hendaklah diperoleh terlebih dahulu sebelum permohonan permit import dan sebelum babi baka hidup berlepas dari negara asal.

Sekian, untuk makluman.